

Pengenalan Perakaunan: Andaian, Prinsip dan Batasan dalam Perakaunan

1. Padankan andaian perakaunan, prinsip perakaunan dan batasan dibawah

Entiti Berasingan	Tempoh Perakaunan	Wang sebagai ukuran
Usaha Berterusan	Ketekalan	Prinsip Kos
Kos Manfaat	Entiti Berasingan	Pengiktirafan Hasil & Belanja
	Prinsip Kos	

SITUASI	ANDAIAN PERAKAUNAN
Puan Aisya pemilik kedai kain tidak menggunakan keuntungan perniagaanya untuk kegunaan peribadi	
Encik Rayyan mengandaikan syarikat akan terus beroperasi bagi suatu jangka masa yang tidak terbatas	
Perniagaan Azzahra hanya melakukan urusanniaga menggunakan wang Ringgit Malaysia sahaja.	
Syarikat Logistik Danish menetapkan bahawa tempoh perakaunan adalah bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun	
Lembaga Pengarah Kiflee Holding tidak bercadang untuk menukar kaedah susut nilai aset bukan semasa perniagaan sebaliknya kaedah susut nilai yang sama akan terus digunakan pada masa akan datang.	
Sebuah mesin cetak yang dibeli dengan harga RM900 pada tahun 2014 masih lagi direkodkan sebagai RM900 dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2016 walaupun harga pasaran mesin cetak yang sama model telah susut kepada RM500.	
Kedai Ben menerima bil elektrik pada 30 Disember 2016. Namun demikian, Ben hanya akan menjelaskan bil berkenaan pada bulan Januari tahun berikutnya. Walaupun bil itu belum dijelaskan pada 2016, Ben tetap mengiktiraf bil elektrik tersebut dan direkodkan dalam Akaun Kadar Bayaran kerana tahun kewangan Kedai Ben berakhir pada 31 Disember 2016	
Kos penyediaan maklumat hendaklah tidak melebihi daripada nilai maklumat tersebut kepada pengguna Penyata Kewangan	
Aqeela pemilik kedai runcit telah mengambil minyak masak untuk kegunaan keluarga dan telah merekodkan urusanniaga tersebut sebagai ambilan	
Pada tahun berakhir 31 Mac 2015, nilai semasa bagunan ialah RM100000 tetapi dilaporkan dalam penyata kewangan ialah pada harga kos RM70000	